

04/09/1998

Pemuda Gerakan, MIC sokong Mahathir

IPOH, Khamis - Pergerakan Pemuda Gerakan dan MIC pusat menyokong tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet, berkuatkuasa petang semalam.

Kedua-dua ketua pergerakan Pemuda komponen Barisan Nasional (BN) itu berpendapat Dr Mahathir wajar diberi peluang menyelesaikan isu itu dengan bijak mengikut caranya.

Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Chang Ko Youn, berkata rakyat perlu tenang dan tidak mengambil sebarang langkah negatif yang boleh menjejaskan kestabilan politik negara berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, sebarang isu berbangkit dengan pelucutan kuasa Anwar daripada Kabinet perlu diselesaikan mengikut saluran perundangan oleh pihak berkuasa.

"Semua pemimpin pergerakan Pemuda parti komponen BN akur dengan keputusan Dr Mahathir selepas mesyuarat khas di Kuala Lumpur, hari ini bagi membincangkan perkara itu," katanya di sini, hari ini.

Ketua Pemuda MIC, Muthiah, pula berkata sebarang keputusan Dr Mahathir pasti mempunyai alasan, termasuk kemungkinan cara Anwar menyelesaikan isu ekonomi semasa seolah-olah berat kepada program Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) serta tidak sesuai dengan keadaan di Malaysia.

"Pemuda MIC menyokong Perdana Menteri bagi menyelesaikan isu politik dan ekonomi, malah langkah Dr Mahathir untuk mengatasi masalah ekonomi turut dipuji orang luar," katanya.

(END)